

08 JUL 1999

MSC-Cutler

LAPORAN NEGATIF GAGAL HALANG PEMBANGUNAN MSC

CYBERJAYA, 8 Julai (Bernama) -- Laporan negatif mengenai Malaysia sejak beberapa bulan lepas tidak menjejaskan usaha negara untuk membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC), kata seorang pegawai sebuah syarikat yang mempunyai status MSC dari Australia.

Pengarah Cutley and Company, Terry Cutler berkata para pelabur asing yang berminat dalam pelaburan jangka panjang tidak begitu menghiraukan laporan-laporan sedemikian.

"Kebanyakan laporan itu terutama mengenai MSC adalah salah. Para pelabur jauh lebih bijak daripada memberi perhatian kepada laporan sedemikian," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sesi hari pertama mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC di sini hari ini.

Ia dikendalikan oleh pengerusi IAP dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Cutler berkata banyak daripada laporan negatif itu datang daripada mereka yang angkuh dari kawasan seperti Silicon Valley.

"Kebanyakan kritikan didorong oleh agenda lain. Mereka tidak memberi tumpuan kepada pembangunan yang berlaku di sini," kata Cutler yang juga anggota baru IAP.

Cutley and Company merupakan syarikat perunding yang pakar dalam bidang telekomunikasi dan media baru yang memberi nasihat kepada syarikat-syarikat dan industri mengenai strategi korporat, pelaburan sektor dan isu polisi.

Cutler, yang juga timbalan pengerusi Majlis Penasihat Maklumat Ekonomi Australia berkata sokongan kuat daripada industri teknologi maklumat antarabangsa adalah jelas daripada kehadiran anggota-anggota IAP di sini.

"Lihat sahaja pada anggota-anggota ini...mereka merupakan wakil-wakil kuat dari Amerika Syarikat, Eropah, Asia dan Australia. Terdapat komitmen yang begitu besar...ini merupakan satu tempat yang menarik yang muncul dalam pembangunan dunia," katanya.

Cutler berkata adalah mengkagumkan melihat kemajuan MSC walaupun Malaysia dilanda krisis ekonomi.

"Pada awal pembangunannya, banyak cakap-cakap dan timbul pelbagai idea kerana orang tidak begitu biasa dengannya. Kini banyak aktiviti yang dibuat...perubahan dan kemajuan sebenar sedang dilakukan dan rakyat Malaysia patut berbangga kerana sudah pergi begini jauh," katanya.

Cutler berkata untuk terus bersaing dengan yang lain, MSC perlu sentiasa mencipta sesuatu yang baru kerana ini merupakan sebuah industri yang semuanya bertukar dalam setiap beberapa bulan.

-- BERNAMA

TM RON